

3. BAYARAN PROJEK PEMBANGUNAN LIMA FASILITI DI SUNGAI BULOH

**Lembaga Getah Malaysia
Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi**

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah menandatangani perjanjian jual beli tanah dengan syarikat 783494-A pada 16 Ogos 2011 bagi penjualan 2,620.04 ekar tanah milik LGM di Sungai Buloh dengan nilai RM1.500 bilion. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah LGM, Pengurus LGM, Ahli Lembaga Pengarah syarikat 783494-A dan Setiausaha syarikat 783494-A. Perjanjian di bawah klaus D telah menetapkan LGM akan mengekalkan hak milik terhadap 535 ekar tanah, iaitu 531.05 ekar di Lot 481 dan baki 3.95 ekar di PT 4097 bagi Projek Pembangunan Lima Fasiliti seperti berikut:

- a. Germplasm dan muzium seluas 95 ekar;
- b. Menara Hevea dan Kompleks Pejabat seluas 100 ekar;
- c. Pusat Kecemerlangan Rubber Research Institute Malaysia (RRIM) seluas 140 ekar;
- d. Kolej Komoditi seluas 100 ekar; dan
- e. Kluster Perniagaan Komoditi seluas 100 ekar.

1.2. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 13 Jun 2012 telah memutuskan perolehan perunding bagi projek tersebut adalah tidak tertakluk kepada pemakaian Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2011 - Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding Bagi Projek Atau Kajian Kerajaan. Pada 7 Ogos 2012, syarikat 644203-K dan syarikat 482409-W telah mewujudkan konsortium. Mesyuarat Lembaga LGM Bilangan 77 pada 19 September 2012 telah bersetuju dengan cadangan pelantikan kedua-dua syarikat tersebut sebagai *Project Delivery Partner* (PDP) untuk Projek Pembangunan Lima Fasiliti tersebut.

1.3. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 26 November 2012 dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM800 juta. Lembaga Pengarah LGM pada 2 Ogos 2013 telah meluluskan peruntukan tambahan untuk kos keseluruhan projek sejumlah RM300 juta kepada RM1.100 bilion. Pada 9 Disember 2013, LGM telah menandatangani Perjanjian PDP bagi Projek Pembangunan Lima Fasiliti di Sungai Buloh dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM1.100 bilion. Tarikh siap kerja asal adalah

pada 30 Ogos 2018 manakala Sijil Perakuan Pembaikan Kecacatan hendaklah dikeluarkan pada 30 Ogos 2020.

1.4. Tugas PDP antaranya adalah bertanggungjawab penuh ke atas pelaksanaan projek dengan memastikan pengurusan kewangan tidak melebihi siling projek yang ditetapkan. Selain itu, PDP juga bertanggungjawab dalam melantik Kontraktor Pakej Kerja (WPC). Yuran PDP yang telah ditetapkan dalam Jadual D adalah sebanyak 16.4% daripada kos pembinaan, iaitu RM882.84 juta. Perjanjian PDP bertarikh 9 Disember 2013 juga menetapkan kos keseluruhan Projek Pembangunan Lima Fasiliti adalah seperti dalam **Jadual 3.1**.

**JADUAL 3.1
KOS KESELURUHAN PROJEK LIMA FASILITI**

| BIL. | PERKARA | ELEMEN PDP | | JUMLAH KESELURUHAN KOS ASAL (RM Juta) |
|-------------------------------|--|--------------------------------------|------------------|---------------------------------------|
| | | PERATUSAN DARIPADA KOS PEMBINAAN (%) | JUMLAH (RM Juta) | |
| 1. | Kos pembinaan – Kontraktor Pakej Kerja, [Works Package Contractor (WPC)] | - | - | 882.84 |
| 2. | Yuran PDP : Pengurusan projek | 4.3 | 38.14 | 144.61 |
| | Yuran Risiko dan Liabiliti Pembinaan | 3.0 | 26.49 | |
| | Kos reka bentuk | 6.6 | 57.91 | |
| | Perbelanjaan yang boleh dibayar balik | 0.6 | 4.94 | |
| | Yuran penyeliaan | 1.9 | 17.13 | |
| 3. | Luar Jangka | - | - | 19.45 |
| 4. | Jumlah sementara yang akan digunakan (diletakkan di bawah LGM) | - | - | 53.11 |
| JUMLAH | | 16.4 | 144.61 | 1,100.01 |
| JUMLAH YANG DIGENAPKAN | | 16.4 | 144.61 | 1,100.00 |

Sumber: Jadual D, Perjanjian PDP

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan Projek Pembangunan Lima Fasiliti mematuhi undang-undang, peraturan kewangan yang berkuat kuasa, syarat perjanjian dan pembayaran dilaksanakan dengan teratur.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan di Ibu Pejabat LGM meliputi pematuhan terhadap tatacara perolehan dan kelulusan Projek Pembangunan Lima Fasiliti; penyaluran kos projek kepada PDP sebagai pelaksana projek; dan bayaran kemajuan projek.

3.2. Sampel yang dipilih adalah sebanyak 19 baucar bayaran bagi tahun 2018 dan 2019 berjumlah RM19.51 juta.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis data, rekod, perjanjian dan dokumen berkaitan bayaran kepada PDP dan WPC; lawatan fizikal Audit di Stesen Penyelidikan Lembaga Getah Malaysia, Sungai Buloh; dan temu bual dengan pegawai yang terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Februari hingga Julai 2020. Maklum balas daripada LGM diterima pada 25 September, 24 Oktober dan 23 November 2020. Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) diadakan pada 14 Oktober 2020. Penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 4.1 hingga 4.3.

4.1. Pembaziran Sejumlah RM91.98 Juta Bagi Bayaran Kepada PDP Dan WPC Kerana Empat (4) Daripada Lima (5) Fasiliti Yang Tidak Diteruskan Pembangunan

4.1.1. Merujuk kepada klausa 23.1 dan 23.1.1 dalam Perjanjian PDP, *event of default* berlaku sekiranya PDP meninggalkan mana-mana bahagian perkhidmatan atau kerja. LGM telah mengeluarkan surat amaran kelewatan kemajuan kerja di tapak kepada PDP tiga (3) bulan berturut-turut, iaitu pada 13 Oktober, 7 November dan 7 Disember 2017. LGM telah mengeluarkan Notis Kegagalan kepada PDP pada 8 Disember 2017. Bagaimanapun, PDP telah gagal memperbaiki kegagalan kelewatan kemajuan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan, iaitu selama 30 hari. LGM juga telah memberi lanjutan masa kepada PDP selama 31 hari untuk memperbaiki kegagalan sehingga 20 Februari 2018. Sekiranya PDP gagal memperbaiki kegagalan sehingga tempoh lanjutan masa yang diberikan, LGM berhak untuk menamatkan pelantikan PDP seperti yang terkandung dalam perjanjian.

4.1.2. LGM juga telah melantik firma guaman untuk mendapatkan pandangan dari sudut perundungan serta kesan dan impak kepada LGM bagi cadangan penamatan PDP. Sehubungan itu, Mesyuarat Lembaga LGM pada 14 Februari 2018 bersetuju menamatkan perjanjian PDP berkuat kuasa pada 1 Jun 2018. Antara justifikasi penamatan adalah:

- a. Pelanggaran klausa 1.2.17 oleh PDP di mana elemen masa adalah intipati kepada pelaksanaan/prestasi tanggungjawab/kewajipan PDP. PDP telah

- gagal mengambil tindakan segera bagi mengatasi pemberhentian sebahagian kerja oleh WPC;
- Pelanggaran klaus 23.1.1 oleh PDP di mana pemberhentian sebahagian kerja di tapak boleh mengakibatkan kontrak PDP ditamatkan; dan
 - Prestasi PDP yang lemah dari segi kemajuan fizikal dan kewangan.

4.1.3. Mesyuarat Lembaga LGM Bilangan 128 bertarikh 28 November 2019 memutuskan selepas penamatan PDP, hanya satu (1) fasiliti, iaitu Pusat Kecemerlangan RRIM yang bernilai RM328.60 juta yang akan dibangunkan semula oleh LGM Properties Corporation (LGMP) sebagai Pengurus Projek.

4.1.4. Sehingga 31 Disember 2019, LGM telah membuat pembayaran kepada PDP dan WPC berjumlah RM118.55 juta. Kos ini terdiri daripada pembayaran yuran perunding PDP sejumlah RM91.49 juta atau 63.3% daripada kos asal perunding PDP sejumlah RM144.61 juta, bayaran kerja WPC sejumlah RM26.30 juta atau 3.0% daripada kos asal WPC sejumlah RM882.84 juta dan lain-lain kos sejumlah RM0.76 juta. **Sejumlah RM91.98 juta atau 77.6% daripada RM118.55 juta merupakan bayaran kepada PDP dan WPC bagi empat (4) fasiliti yang tidak diteruskan pembangunan. Kos projek yang telah dibayar tetapi tidak diteruskan pembangunan merupakan pembaziran kepada LGM.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.2.**

**JADUAL 3.2
PEMBAYARAN KEPADA PDP DAN WPC SEHINGGA 31 DISEMBER 2019**

| BIL. | BUTIRAN | KOS ASAL | JUMLAH KOS PROJEK YANG TELAH DIBAYAR | BAYARAN BAGI FASILITI YANG TIDAK DITERUSKAN PEMBANGUNAN* | JUMLAH KOS YANG DIKEKALKAN |
|-----------------------------------|--|-----------------|--------------------------------------|--|----------------------------|
| | | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) |
| 1. | Yuran pengurusan projek | 38.14 | 42.10 | | |
| 2. | Kos reka bentuk | 57.91 | 40.53 | | |
| 3. | Perbelanjaan yang boleh dibayar balik | 4.94 | 4.24 | 74.59 | 16.90 |
| 4. | Lain-lain | 43.62 | 4.62 | | |
| JUMLAH YURAN PERUNDING PDP | | 144.61 | 91.49 | 74.59 | 16.90 |
| 5. | Bayaran bagi kerja WPC | 882.84 | 26.30 | 16.63 | 9.67 |
| 6. | Luar Jangka | 19.45 | - | - | - |
| 7. | Jumlah sementara yang akan digunakan (diletakkan di bawah LGM) | 53.11 | 0.07 | 0.07 | - |
| 8. | Item tambahan tidak termasuk dalam kos PDP dan WPC | TB** | 0.69 | 0.69 | - |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 1,100.00 | 118.55 | 91.98 | 26.57 |

Sumber : Jurnal Pelarasan Kerja Dalam Kemajuan

Nota : * Laporan Cadangan Amaun Rosot Nilai Berkaitan Projek Pembangunan Lima Fasiliti di Sungai Buloh yang disediakan oleh syarikat AF 1018 bertarikh 8 Mei 2020

**Tidak Berkaitan (TB)

4.1.5. Perkara ini berlaku berikutan keputusan Mesyuarat Lembaga LGM Bilangan 133 pada 23 Jun 2020 berdasarkan justifikasi seperti berikut:

- a. Empat (4) fasiliti yang tidak diteruskan pembangunan melibatkan bayaran berjumlah RM69.03 juta;
- b. Pengurangan keluasan lantai sebanyak 30.0% atau pengurangan nilai sejumlah RM14.36 juta yang telah dibayar bagi projek RRIM Centre; dan
- c. Lain-lain kos yang dibayar bagi fasiliti yang dibatalkan berjumlah RM8.59 juta.

4.1.6. Mesyuarat antara Ketua Pengarah LGM dan Ketua Pegawai Eksekutif PDP yang dibuat pada 10 Julai 2019 telah bersetuju untuk melaksanakan proses mediasi bagi menyelesaikan segala pertikaian. Pada 10 September 2019, PDP telah mengeluarkan surat permohonan kepada LGM bagi melaksanakan proses mediasi dan pelantikan calon perantara. Perkara ini adalah disebabkan terdapat tuntutan yang dibuat oleh WPC dan perunding bagi kerja yang telah dilaksanakan. Pada 25 Jun 2020, proses mediasi antara PDP dan LGM telah selesai dan keputusannya adalah seperti berikut:

- a. Mediasi mencadangkan LGM untuk membuat pertimbangan terhadap pengecualian penalti yang dikenakan sejumlah RM6.40 juta; dan
- b. Mediasi mencadangkan LGM untuk membuat pertimbangan terhadap langkah seterusnya bagi menyelesaikan pertikaian antara Ketua Pengarah LGM dengan Ketua Pegawai Eksekutif PDP.

4.1.7. Bagaimanapun, keputusan mediasi tidak dipersetujui oleh LGM dan Mesyuarat Lembaga LGM Bilangan 135 pada 14 Ogos 2020 bersetuju untuk LGM memulakan tindakan arbitrasi terhadap PDP bagi menuntut segala kerugian yang ditanggung oleh LGM. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan pelantikan firma guaman bagi tujuan arbitrasi dalam tuntutan terhadap PDP. Seterusnya, LGM juga melantik firma guaman lain bagi menentukan nilai kerugian sebenar yang ditanggung oleh LGM berikutan penamatan perjanjian PDP.

Maklum balas LGM yang diterima pada 25 September 2020

Keputusan penamatan PDP oleh Lembaga LGM dibuat adalah berdasarkan pertimbangan terhadap hasil kajian ketekunan wajar (*due diligence*) yang telah dilaksanakan oleh Pasukan Pengurusan Projek. Laporan mengenai implikasi perundungan telah disediakan oleh firma guaman yang dilantik dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga LGM Bilangan 114 pada 14 Februari 2018.

Maklum balas LGM yang diterima pada 23 November 2020

Keputusan Lembaga LGM untuk menamatkan PDP adalah untuk menjaga kepentingan LGM dan mengurangkan kerugian kepada projek tersebut. Ini adalah kerana jika LGM tidak menamatkan kontrak PDP dan meneruskan projek, LGM akan menanggung kerugian dalam bentuk penambahan kos dan kelewatan projek.

| | |
|-------------------------|---|
| Pernyataan Audit | Berlaku pembaziran sejumlah RM91.98 juta disebabkan oleh empat (4) daripada lima (5) fasiliti yang tidak diteruskan pembangunan. |
|-------------------------|---|

4.2. Bayaran Sejumlah RM2.80 Juta Telah Dibayar Kepada PDP Tanpa Perjanjian Tambahan

4.2.1. Perenggan 6.37(a), Prosedur Kewangan LGM 2010 menetapkan perubahan kontrak kerja bermaksud apa-apa penyimpangan daripada apa yang telah dipersetujui dalam perjanjian kontrak yang berkaitan dengan pelan, penentuan dan/atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan. Perenggan 6.37(b) pula menetapkan kerja tambahan hendaklah seboleh-bolehnya dilaksanakan melalui tender berasingan mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan yang berkenaan dengannya. Pelaksanaan Arahan Perubahan Kerja hanya dibenarkan sekiranya pelaksanaan melalui tender berasingan akan menjaskan atau mengganggu kontrak yang sedang berjalan.

4.2.2. Semakan Audit mendapati **bayaran sejumlah RM2.80 juta telah dibayar kepada PDP tanpa perjanjian tambahan berikutan perubahan kos**. Mengikut perjanjian asal, bayaran perunding yang sepatutnya dibayar berjumlah RM33.50 juta berdasarkan Jadual E1. Bagaimanapun, LGM telah membuat bayaran perunding sejumlah RM36.30 juta berdasarkan dokumen perubahan ketiga bertarikh 2 Ogos 2016 sehingga 17 April 2018 yang tiada perjanjian tambahan.

4.2.3. Semakan Audit juga mendapati **perjanjian tambahan tidak dibuat bagi pertambahan dan pengurangan skop serta kos kerja. Perkara ini telah menyebabkan peningkatan kos projek sejumlah RM384.33 juta atau 48.0%**, iaitu daripada RM800 juta kepada RM1.185 bilion. Semakan lanjut mendapati **skop dan kos keseluruhan projek telah dipinda sebanyak tiga (3) kali** seperti berikut:

- a. Mesyuarat Lembaga LGM Bilangan 82 bertarikh 2 Ogos 2013 bersetuju kos maksimum keseluruhan Projek Sungai Buloh adalah berjumlah RM1.100 bilion. Peningkatan kos keseluruhan projek daripada RM800 juta kepada RM1.100 bilion disebabkan perkara berikut:
- i. PDP mendapat yuran tambahan sebanyak 3.0% daripada kos pembangunan disebabkan PDP bertanggungjawab dalam pengurusan risiko dengan menandatangani semua perjanjian bersama WPC; dan
 - ii. Projek akan mengguna pakai konsep kejuruteraan nilai dan reka bentuk baru dalam pembangunan Projek Pembangunan Lima Fasiliti di Sungai Buloh.
- b. Mesyuarat Lembaga LGM Bilangan 85 bertarikh 18 Februari 2014 bersetuju kenaikan kos keseluruhan Projek Pembangunan Lima Fasiliti Sungai Buloh daripada RM1.100 bilion kepada RM1.187 bilion disebabkan perkara berikut:
- i. Pertambahan keluasan makmal terbaru, iaitu sejumlah 867 ribu kaki persegi berbanding keluasan lama, iaitu 680 ribu kaki persegi;
 - ii. Pertambahan keperluan perabot lengkapan makmal;
 - iii. Pertambahan keperluan rumah kaca Tahap Bio-Keselamatan 3; dan
 - iv. Kenaikan kos keseluruhan projek telah menyebabkan yuran PDP juga turut meningkat berdasarkan peratusan yang sama, iaitu 16.4% daripada kos pembinaan.
- c. Mesyuarat Lembaga LGM Bilangan 101 bertarikh 2 Ogos 2016 bersetuju dengan cadangan kos keseluruhan projek terbaru daripada RM1.187 bilion kepada RM1.185 bilion, iaitu penurunan sejumlah RM2.07 juta atau 0.2%. Pengurangan skop kerja ini adalah disebabkan oleh berlakunya pertukaran tanah seluas 125 ekar, iaitu daripada 535 ekar kepada 410 ekar. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.3**.

JADUAL 3.3
PERUBAHAN HARGA KOS KESELURUHAN PROJEK YANG TIDAK DIMUKTAMADKAN

| BIL. | PERUBAHAN KOS KESELURUHAN PROJEK | | | PENINGKATAN/ (PENURUNAN)* | |
|------|----------------------------------|--|---------------------|------------------------------|-------|
| | TARIKH | BUTIRAN | JUMLAH (RM Juta) | RM Juta | % |
| 1. | 26.11.2012 | Mengikut SST (Asal) | 800.00 | - | - |
| 2. | 09.12.2013 | Mengikut Perjanjian PDP (Perubahan Pertama) | 1,100.00 | 300.00 | 37.5 |
| 3. | 18.02.2014 | **Perubahan Kedua | 1,186.60 | 86.60 | 7.9 |
| 4. | 02.08.2016 | **Perubahan Ketiga | 1,184.53 | (2.07) | (0.2) |

Sumber : SST; Jadual D, Perjanjian PDP; Minit Mesyuarat Lembaga LGM Bilangan 82, Bilangan 85 dan Bilangan 101

Nota : *Perubahan kos keseluruhan projek berbanding perjanjian sebelumnya

**Tiada perjanjian tambahan

Maklum balas LGM yang diterima pada 25 September 2020

Pertambahan kos kali pertama daripada RM800 juta kepada RM1.100 bilion telah dilaksanakan sebelum perjanjian ditandatangani dan perkara ini telah dimasukkan ke dalam perjanjian asal PDP yang telah dimeterai. Perjanjian tambahan untuk pertambahan kos kali kedua daripada RM1.100 bilion kepada RM1.187 bilion tidak dilaksanakan kerana terdapat pertambahan kos kali ketiga yang perlu dilaksanakan dalam masa terdekat. Walaupun terdapat beberapa perubahan kepada kos siling projek, berlaku ketidakpatuhan di mana Sekretariat Perancangan Pembangunan (Dasar & Operasi) tidak memaklumkan keperluan untuk melaksanakan perjanjian tambahan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Pemandu dan seterusnya kepada Lembaga LGM. Ini adalah kerana bagi tempoh di antara bulan Ogos 2016 sehingga Mei 2018, sebanyak 15 Mesyuarat Lembaga LGM telah diadakan. Berdasarkan tadbir urus projek yang baik untuk kontrak perunding, sebarang pertambahan perjanjian perlu ditandatangani secepat mungkin bagi memastikan kepentingan LGM terpelihara dan juga proses pembayaran dapat dilakukan secara teratur dengan tidak melibatkan kerugian kepada LGM.

Maklum balas LGM yang diterima pada 24 Oktober 2020

Hala tuju penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh LGM adalah dengan menubuhkan satu unit yang menumpukan semua proses perolehan dan pemantauan kontrak perjanjian di LGM secara berpusat dengan penubuhan Unit Perolehan Dan Kontrak serta Unit Perundangan di LGM semenjak suku ketiga tahun 2019.

| | |
|-------------------------|---|
| Pernyataan Audit | Perjanjian tambahan tidak ditandatangani merupakan pelanggaran kepada Prosedur Kewangan LGM 2010, Perenggan 6.37(a). Selain itu, pembayaran yuran PDP yang dibuat tanpa perjanjian tambahan berjumlah RM2.80 juta bagi perubahan harga kontrak merupakan pembayaran tidak wajar. |
|-------------------------|---|

4.3. Peralatan Dan Perisian ICT Bernilai RM1.53 Juta Belum Digunakan

4.3.1. Pada 27 November 2017, PDP telah melantik syarikat 318828-P untuk Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan, Pengujian Dan Pentaulahan, Penyerahan Dan Penyelenggaraan Terhadap *Private Staging Cloud Infrastructure* dengan nilai kontrak sejumlah RM2.35 juta. Selain itu, syarikat juga dikenakan Bon Jaminan Pelaksanaan sejumlah RM117,400, iaitu 5.0% daripada nilai kontrak. Tempoh kontrak adalah selama enam (6) bulan mulai 27 November 2017 hingga 27 Mei 2018 dan peralatan ICT tersebut akan ditempatkan di Menara Hevea.

4.3.2. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bernombor 19318536 bertarikh 21 Mac 2019 mendapati sejumlah RM1.53 juta atau 65.0% daripada harga kontrak berjumlah RM2.35 juta telah dibayar kepada WPC. Selain itu, semakan Audit juga mendapati kemajuan kerja WPC telah disahkan dan diluluskan bayaran oleh Ketua Pengarah LGM selaku Wakil Pemilik pada 20 Mac 2019. Lantikan Wakil Pemilik telah dibuat melalui surat rujukan LGM/KP/20/3/4 - 1 bertarikh 20 November 2017.

4.3.3. Secara keseluruhannya, kemajuan kerja WPC telah mencapai 94.0% berdasarkan Laporan Jawatankuasa Verifikasi LGM yang dilantik kerana kerja konfigurasi peralatan dan perisian ICT belum siap sepenuhnya. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati WPC telah membuat tuntutan sebanyak 100.0% bersamaan dengan RM2.35 juta. LGM telah membuat potongan sebanyak 30.0%, iaitu RM704,397 daripada jumlah tuntutan WPC menjadikan amaun yang telah dibayar sejumlah RM1.53 juta. Justifikasi pecahan pembayaran sejumlah RM2.35 juta dibuat berdasarkan penilaian syarikat 506437-V seperti berikut:

- a. Pembayaran segera 70.0% daripada nilai kerja di tapak yang disahkan oleh Juruukur Bahan Berdaftar yang dilantik oleh PDP.
- b. Baki pembayaran 30.0% adalah merupakan kerja konfigurasi termasuk kerja Pengujian dan Pentaulahan yang akan dibayar selepas semakan terhadap kuantiti kerja oleh LGMPC dan Pasukan Pengurusan Projek. Jumlah ini merupakan amaun yang ditolak oleh LGM terhadap tuntutan WPC.

4.3.4. Peralatan ICT tersebut telah diterima pada 20 Mac 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.4**.

JADUAL 3.4

BAYARAN KEMAJUAN KERJA WPC BAGI PERALATAN DAN PERISIAN ICT

| BIL. | TUNTUTAN WPC | | BAYARAN OLEH LGM | |
|---|--|---------------------|--------------------------------|---------------------|
| | NO. INVOIS/ TARIKH | JUMLAH (RM Juta) | POTONGAN 30.0% (RM Juta) | JUMLAH (RM Juta) |
| | | (a) | (b) | (c) = (a) - (b) |
| 1. | Bayaran Interim Bil. 1 - KAT/T/KLIA/01-18/ 15 Januari 2018 | 0.32 | 0.09 | 0.23 |
| | - KAT/T/KLIA/02-18/ 15 Mac 2018 | 1.53 | 0.46 | 1.07 |
| 2. | Bayaran Interim Bil. 2 - KAT/T/KLIA/03-18/ 21 Jun 2018 | 0.48 | 0.14 | 0.34 |
| JUMLAH TUNTUTAN | | | | 1.64 |
| WANG JAMINAN PELAKSANAAN (WJP) | | | | (0.11) |
| JUMLAH KESELURUHAN YANG DIBAYAR KEPADA WPC | | | | 1.53 |

Sumber : Baucar Bayaran WPC bagi Peralatan dan Perisian ICT

4.3.5. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kontrak pembekalan peralatan dan perisian ICT dibuat tanpa mengambil kira status kemajuan kerja Menara Hevea yang hanya siap setakat 0.1% pada masa tersebut.

4.3.6. Pemeriksaan fizikal Audit telah dilaksanakan pada 8 Julai 2020 mendapati **peralatan ICT yang ditempatkan di Bilik Server LGM, Aras 17, Bangunan Getah Asli masih belum digunakan**. Butiran lanjut pengesahan fizikal aset adalah seperti dalam **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

GAMBAR 3.1



Bilik Server, Aras 17, Bangunan Getah Asli
- **Peralatan ICT Bernilai RM1.53 Juta Yang Masih Tidak Digunakan**
(08.07.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3.2



Bilik Server, Aras 17, Bangunan Getah Asli
- **Peralatan ICT Bernilai RM1.53 Juta Yang Masih Tidak Digunakan**
(08.07.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas LGM yang diterima pada 25 September 2020

LGM sedang mengambil langkah untuk memastikan proses perolehan dapat diteruskan selepas penamatan kontrak PDP dengan secepat mungkin. Tindakan telah dimulakan seawal 6 Julai 2018 dengan melantik Jawatankuasa Verifikasi ICT 1A oleh Mesyuarat Pengurusan Tertinggi LGM Bil 17/2018. Peralatan ICT bernilai RM1.53 juta tidak dapat digunakan kerana kerja *private cloud configuration* belum siap sepenuhnya. Mesyuarat Lembaga LGM Bilangan 126 pada 19 Ogos 2019 telah memperakui dan meluluskan peruntukan tambahan bagi menyiapkan kerja berbaki melalui Jawatankuasa Sebut Harga LGM. LGM perlu memastikan lesen perisian Microsoft dan khidmat sokongan teknikal yang lain dimasukkan ke dalam kontrak. Unit Teknologi Maklumat sedang dalam proses membuat perolehan secara terbuka bagi menyiapkan baki kerja 6.0% yang belum selesai. Unit Teknologi Maklumat juga sedang memohon perolehan secara rundingan terus dari pihak Kementerian Kewangan bagi kerja yang sama.

Maklum balas LGM yang diterima pada 24 Oktober 2020

Berdasarkan Jadual Perancangan Penggunaan Peralatan ICT, proses penyerahan peralatan dan perisian ICT akan dibuat pada 4 Mei 2021.

| | |
|-------------------------|--|
| Pernyataan Audit | Peralatan dan perisian ICT berjumlah RM1.53 juta yang telah dibeli tidak dapat digunakan dan merupakan pembaziran kepada LGM. |
|-------------------------|--|

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan dan penguatkuasaan klaus perjanjian, LGM perlu mengambil tindakan berikut:

- 5.1. Membuat perancangan projek pembangunan secara menyeluruh dan lengkap bagi mengelakkan projek tidak dapat diteruskan yang boleh menyebabkan pembaziran.
- 5.2. Memastikan perjanjian disedia dan ditandatangani oleh kedua pihak apabila berlaku perubahan kos projek supaya bayaran dibuat dengan teratur dan menjaga kepentingan LGM.
- 5.3. Merancang penggunaan peralatan dan perisian ICT yang tidak digunakan untuk tujuan lain bagi mengelakkan pembaziran.
- 5.4. Mengenakan tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang tidak mematuhi kehendak dan arahan agensi seperti yang tertakluk dalam undang-undang, peraturan kewangan, perjanjian dan prosedur operasi standard.